

## Penisbahan *Qurra'* dan Status *Qira'at* dalam *Tafsir al-Nasafi*

Mohd Faizulamri Mohd Saad<sup>1</sup>, Sabri Mohamad<sup>1</sup> & Muhd Najib Abdul Kadir<sup>1</sup>

Email: faizam@ukm.edu.my, sabri\_m@ukm.edu.my, abunaseh@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

*Tafsir al-Nasafi (Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Takwil)* adalah tafsir yang masyhur dan digunakan oleh umat Islam di seluruh dunia. Antara fokus Imam al-Nasafi dalam kitab tafsir ini ialah *Qira'at*. Pengarang didapati menggunakan pendekatan tersendiri dalam nukilan *Qira'at*, iaitu tidak terhad kepada *Qurra' Qira'at Sab'* tetapi merangkumi penisbahan *Qurra'* yang pelbagai. Artikel ini bertujuan mengenalpasti *Qurra' Qira'at* yang dinukilkan oleh Imam al-Nasafi berserta status *Qira'at* yang dinisbahkan kepada mereka. Status *Qira'at* dapat menjelaskan interaksi terhadap nukilan *Qira'at* seperti penghormatan terhadap teks al-Quran dan memudahkan proses pentarjihan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan bersumberkan *Tafsir al-Nasafi*. Hasil kajian mendapati penisbahan *Qira'at* di dalam *Tafsir al-Nasafi* merangkumi riwayat *mutawatirah* dan *shadhdhah*. Malah, *Qurra' Qira'at Mutawatirah* didapati turut dinisbahkan dengan *Qira'at shadhdhah* juga sebaliknya.

**Kata kunci:** *Tafsir al-Nasafi*, penisbahan *Qira'at*, *Qira'at Shadhdhah*, *Qira'at Mutawatirah*, *Qurra'*

### Abstract

*Tafsir al-Nasafi (Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Takwil)* is a highly respected Quran exegesis among Muslims in many places around the world. One of the main focuses of al-Nasafi in his writing is *Qira'at* (variants of Quran reading). Its author employed an outstanding method in his descriptions of *Qiraat* which includes all schools of reciters of *Qira'at Sab'* and others. This article identifies reciters of *Qira'at* mentioned in the literature, their recitations, statuses and public acknowledgments. Qualitatively, content analysis approach was employed. This article gives credit to *riwayat mutawatirah* (recurrent narrations) and *shadhdhah* (abnormal narrations). It finds that reciters from the school of *Qira'at Mutawatirah* are exercised *Qiraat Shadhdhah*.

**Keywords:** *Tafsir al-Nasafi*, *Qira'at ascription*, *Qira'at Shadhdhah*, *Qira'at Mutawatirah*, *Qurra'*

### 1. Pengenalan

*Tafsir Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Takwil* dikarang oleh Imam al-Nasafi. Nama sebenar beliau adalah Abdullah bin Ahmad bin Mahmud al-Nasafi. Beliau dinisbahkan dengan al-Nasafi iaitu daripada Nasaf yang merupakan sebuah tempat yang berada dalam sebuah negeri yang bernama al-Sind. Ia merupakan sebuah negeri yang berada di sebelah sungai iaitu di antara Jihun dan Samarkhand (al-Dhahabi, 2005, 1: 199; al-Khalidi, 2012: 432; al-Zirikli, t.th, 4: 67). *Kunyah* Imam al-Nasafi adalah Abu al-Barakat, beliau digelar sebagai Hafiz al-Din dan panggilan yang paling terkenal untuk beliau adalah al-Nasafi (al-Dhahabi, 2005, 1: 199; al-Khalidi, 2012: 432; al-Zirikli, t.th, 4: 67). Justeru, nama penuh beliau adalah Abu al-Barakat Hafiz al-Din Abdullah bin Ahmad bin Mahmud al-Nasafi.

*Tafsir al-Nasafi* mendapat pujian daripada ramai sarjana Islam berdasarkan pendekatan penulisan yang digunakan oleh beliau. Antaranya oleh Muhammad Husayn al-Dhahabi dan Abd al-Halim Mahmud. Setelah membaca *Tafsir al-Nasafi*, al-Dhahabi (2005, 1:199) menyatakan bahawa tafsir ini merupakan sebuah tafsir yang menggunakan ayat-ayat yang ringkas serta metode yang mudah. Ia merupakan ringkasan daripada *Tafsir al-Kashshaf* yang mengumpulkan keelokan yang terdapat di dalam al-Kashshaf dan meninggalkan keburukannya. Abd al-Halim Mahmud (1978M: 217) meletakkan *Tafsir al-Nasafi* sebagai tafsir ilmiyyah, tidak terlalu panjang dan tidak pula terlalu pendek, penelitian yang dibuat oleh beliau mendapati bahawa ia merupakan sebuah tafsir yang mengandungi kefahaman yang jelas, pengalaman yang mendalam dan memanfaatkan sebaik-baiknya pengetahuan luas yang beliau miliki.

Di dalam muqaddimah tafsir ini, Imam al-Nasafi turut menyatakan bahawa antara fokus beliau di dalam tafsir ini ialah *Qira'at*. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti *Qurra'* dan status *Qira'at* yang dinisbahkan kepada mereka di dalam tafsir ini.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan yang bersumberkan *Tafsir al-Nasafi*. Metode komparatif pula digunakan untuk menilai status *Qira'at* yang dinisbahkan kepada *Qurra'* yang dinukil oleh Imam al-Nasafi.

## 2. Pernyataan Masalah

Imam al-Nasafi memberi perhatian serius terhadap ilmu *Qira'at* di dalam tafsir beliau. Ini jelas di dalam muqaddimah tafsir ini, Imam al-Nasafi (2001, 1: 3) menyatakan: "Aku diminta oleh seseorang untuk membuat sebuah kitab yang sederhana dalam pentafsiran, yang merangkumi wajah-wajah *i'rab* dan *Qira'at*, memuatkan ketelitian dua ilmu iaitu *badi'* dan *isharat*, merangkumi pandangan-pandangan ulama' *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*, menolak kebatilan ahli bid'ah dan kesesatan. Tidak terlalu panjang dan juga tidak terlalu pendek...".

Al-Dhahabi (2005, 201) menyatakan bahawa Imam al-Nasafi hanya menggunakan *Qira'at Sab'* yang *mutawatirah* dengan menyandarkan setiap bacaan kepada *qari'*nya. Kajian yang dijalankan mendapati Imam al-Nasafi tidak hanya menukilkan *Qira'at Sab'* malahan menukilkan *Qira'at* yang dinisbahkan kepada pelbagai peringkat *Qurra'*. Penggunaan pelbagai peringkat *Qurra'* oleh Imam al-Nasafi sudah tentu terkeluar daripada pernyataan yang dibuat oleh al-Dhahabi. Pembaca pula dikhuatiri terkeliru dengan bahasa yang menunjukkan nukilan Imam al-Nasafi tersebut adalah nukilan *Qira'at* dan menyangka itu adalah *Qira'at Sab'*. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti *Qurra'* dan status *Qira'at* yang dinisbahkan kepada mereka di dalam *Tafsir al-Nasafi*.

### 2.1 Kepentingan mengetahui status *Qira'at*

Hukum berinteraksi dengan riwayat *Qira'at Mutawatirah* dan *Qira'at Shadhdhah* adalah berbeza. Walaupun *Qira'at Shadhdhah* berperanan penting dalam pentafsiran al-Quran, tetapi tahap untuk berlakunya penerimaan dan penolakan terhadap sesuatu riwayat adalah berbeza. *Qira'at Mutawatirah* tidak boleh diingkari walau satu huruf dan berstatus al-Quran berbanding dengan *Qira'at Shadhdhah*.

Imam al-Nawawi (1985, 131) menyatakan: Kaum muslimin sepakat bahawa wajib mengagungkan al-Quran secara mutlak, menyucikan dan menjaganya. Mereka juga sepakat bahawa sesiapa yang mengingkari satu huruf daripadanya yang telah disepakati atau menambah satu huruf yang tidak pernah dibaca oleh seorang pun (*Qurra'*) sedangkan dia mengetahui perkara itu (sengaja), maka dia kafir. Abu Fadl Qadi 'Iyyad menegaskan bahawa sesiapa yang meremehkan al-Quran atau mushaf atau sebahagian daripadanya atau memakinya atau mengingkari satu huruf daripadanya atau mendustakan sesuatu hukum atau khabar yang ditegaskan di dalamnya atau membenarkan sesuatu yang dinafikannya atau menafikan sesuatu yang ditetapkannya, sedangkan dia mengetahui hal itu atau meragui sesuatu daripada itu (al-Quran), maka dia telah kafir berdasarkan *ijma' al-muslimin* (al-Nawawi, 1985, 131).

Pengingkar *Qira'at Mutawatirah* boleh menjadikannya kafir setelah pengingkaran tersebut merangkumi perkara-perkara berikut (al-Hadi Qabih, 1999: 199):

- i. *Qira'at* tersebut telah diputuskan kemutawatirannya dan telah sampai tahap perkara yang diketahui dalam agama secara *darurah* (المعلوم من الدين بالضرورة).
- ii. Keingkaran bukan disebabkan *shubhah* atau kesamaran yang berada dalam kefahaman orang yang ingkar.
- iii. Peningkar mengetahui *kethabitan* sesuatu *Qira'at* dan ia tetap dan berterusan dengan keingkaran tersebut.

Selain daripada itu, pengetahuan terhadap status *Qira'at* juga dapat menjadikan metode *pertarjihan* dijalankan dengan betul. *Qira'at Mutawatirah* mesti didahulukan untuk pemilihan *Qira'at* dalam pentafsiran ayat al-Quran. Makki bin Abi Talib al-Qaysi (1985, 65) menegaskan bahawa *tarjih* (pemilihan) terbahagi kepada tiga iaitu:

- i. *Tarjih Qira'at Mutawatirah* dengan *Shadhdhah*, ini dibenarkan.
- ii. *Tarjih Qira'at Shadhdhah* dengan *Mutawatirah*, ini dilarang.

iii. *Tarjih Qira'at Mutawatirah* dengan *Mutawatirah*, ini dibenarkan selagimana tidak berlaku celaan, menimbulkan keraguan (*tashkik*) dan was-was (*tawhin*) kepada Qira'at yang ditolak (*marjuh*).

Namun begitu, pentarjihan dengan memilih *Qira'at Shadhdhah* berbanding *Qira'at Mutawatirah* turut berlaku di dalam Tafsir al-Nasafi. Sebagai contohnya Imam al-Nasafi (t.th, 3: 130-131; 2001, 2: 1) berkata: (سورة) khabar *mubtada' mahzuf* iaitu (هذه سورة), (أُنزلناها) adalah sifat untuknya. Talhah membaca dengan *nasab* (سورة) seperti (زيدًا ضربته) atau seperti (اتل سورة). Isa bin Umar membaca dengan *nasab* kerana disandarkan kepada *fi'il* yang ditafsirkannya secara jelas. Ia adalah lebih baik berbanding (سورة أنزلناها)-dengan *rafa'*- untuk tujuan *al-amr*.

Pemilihan *Qira'at* dengan *nasab* (سورة) sebagai lebih baik berbanding *Qira'at rafa'* adalah sesuatu yang pelik dan dilarang. *Qira'at nasab* tersebut adalah *shadhdhah* sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Jinni (1998, 2: 143) dalam *al-Muhtasab* dan al-Dumyati (2001, 408) di dalam *al-Ithaf*. Hal ini kerana *Qira'at Mutawatirah* merupakan kalam Allah yang diiktiraf sebagai al-Quran berbanding dengan *Qira'at Shadhdhah*. Sepatutnya, riwayat *Qira'at* didahulukan untuk tujuan penghujahan, bukan sebaliknya dengan menggunakan hujah akal menolak riwayat yang berstatus al-Quran.

### 3. Analisis dan Perbincangan Data

#### 3.1 *Qira'at Mutawatirah*

*Qira'at Mutawatirah* ialah *Qira'at* yang menepati tiga rukun penerimaan *Qira'at*. Ia terangkum di dalam *Qira'at Sab'* yang dinukilkan oleh Imam al-Shatibi dan *Qira'at 'Ashr* yang dinukilkan oleh Imam Ibn al-Jazari. Berdasarkan pembahagian *sanad* oleh para sarjana *Qira'at* antaranya Ibn al-Jazari (1998, 19-20), al-Suyuti (2000, 1: 241), al-Zarqani (1998, 357), al-Ma'sarawi (2006, 41) dan Sha'ban Muhammad Ismail, (1999, 75), mereka menamakannya sebagai *al-Mutawatir* dan *al-Mashhur*.

Ibn al-Jazari (1995, 20) menjelaskan terdapat dua jenis *Qira'at* yang diterima iaitu *Qira'at Mutawatirah* dan *Qira'at Mashhurah*. Ulama telah menjelaskan kedua-dua bahagian ini diterima. *Mashhur* yang dimaksudkan adalah seperti yang dinyatakan oleh Imam Ibn al-Jazari iaitu *Qira'at* yang dibaca oleh *Qurra'* sepuluh yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu *mutawatir* dan *sahih* lagi tersebar, dan diterima secara pasti. Ibn al-Jazari (1998, 1: 18) turut menambah kedua-dua bahagian ini dibaca serta wajib beriktikad ia adalah al-Quran dan kedua-duanya tidak boleh diingkari. Ini kerana kesahihannya adalah jelas, disepakati oleh umat Islam serta bertepatan dengan khat mushaf, manakala orang yang menolaknya dihukumkan sebagai kafir.

Al-Dimyati (2001, 14) memperakui bahawa *Qira'at* yang disepakati oleh para ulama kemutawatirannya adalah *Qira'at* imam-imam tujuh. Begitu juga terdapat *Qira'at* yang diperselisihkan oleh para ulama, *Qira'at* yang *sahih* lagi masyhur ini sebenarnya adalah *mutawatir* iaitu *Qira'at* tiga imam lagi iaitu Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-'Ashir.

Imam al-Qurtubi (2002, 58) menyatakan sesungguhnya umat Islam telah *ijma'* (bersepakat) bahawa sahnya *Qira'at* daripada imam-imam tersebut (sepuluh) dari segi periwiyatan dan pemerhatian dalam *Qira'at*.

Al-'Allamah Imam al-Subki (1999, 351-352) menyatakan: *Qira'at* tujuh yang dikumpulkan oleh al-Shatibi, dan *Qira'at* tiga iaitu *Qira'at* Abi Ja'far, Ya'qub dan Khalaf al-'Ashir adalah *mutawatirah* iaitu perkara yang diketahui dalam agama Islam secara *daruri* (*ma'lum min al-din bi al-darurah*). Setiap huruf (*Qira'at*) secara individu oleh salah seorang daripada imam-imam sepuluh tersebut diketahui dalam agama Islam secara *daruri* bahawa ia diturunkan kepada Rasulullah SAW yang mana hanya orang yang jahil sahaja akan menolaknya.

Selain daripada hujah yang menerima kemutawatiran riwayat-riwayat *Qira'at*, terdapat juga penolakan dengan mendakwa riwayat-riwayat ini tidak benar. Imam al-Shawkani (1973, 1: 418) menyatakan: Jelas bahawa dakwaan tentang kemutawatiran ini adalah batil, perkara ini diketahui daripada orang yang arif tentang *sanad-sanad* yang meriwayatkan *Qira'at*. Ahmad Khalid Shukri (2001, 223) turut menentang perkara ini di dalam buku beliau *Muqaddimat fi Ilm al-Qira'at* iaitu terdapatnya dalam kalangan orang yang menolak kemutawatiran *Qira'at* adalah dengan menolak kemutawatiran *Qira'at* Tiga, setelah mereka mengiktiraf kethabitan *mutawatir* pada *Qira'at* Tujuh. Mereka menyangka bahawa *Qira'at* Tiga ini hanya masyhur dan tersebar luas tetapi tidak mencapai kethabitannya ke tahap *mutawatir*.

Dakwaan ini seolah-olah tidak memperdulikan keterangan pakar sebelumnya, Ibn al-Jazari (1980, 23) seperti sebelumnya konsisten menolak dakwaan ini, tegasnya *Qira'at* Sepuluh adalah *mutawatirah* sama ada secara keseluruhan atau perinciannya, sebagaimana yang dipegang oleh imam-imam *Qira'at*, *fiqh* dan juga *usul*. Pandangan ini turut disokong oleh al-Nuwayri (1986, 1: 131). Ibn al-Jazari (1980, 49) turut menukilkan pandangan daripada 'Abd al-Wahab bin 'Ali al-Subki (771H) untuk menolak tuduhan terhadap *Qira'at* Tiga. Ia juga sebenarnya *thabit* (sebagai *mutawatir*) seperti *Qira'at* Tujuh. Kata al-Subki: Pandangan bahawa *Qira'at* Tiga tidak *mutawatir* adalah tergugur, pandangan tersebut tidak betul berdasarkan pandangan sarjana lain yang diiktiraf dalam agama Islam.

Ibn al-Jazari (1980, 45) telah menyenaraikan nama-nama sebilangan imam-imam *Qira'at* yang membaca dengan *Qira'at* Tiga daripada zamannya sehingga zaman imam-imam *Qira'at* Tiga tersebut. Bilangan di setiap *tabaqah* tidak kurang dari had tertinggi bilangan yang pernah disebut oleh ulama untuk diterima sebagai *mutawatir*, beliau mengulas: Justeru telah *thabit* tentang perkara tersebut bahawa *Qira'at* Tiga adalah *mutawatirah*. Ahmad Khalid Shukri (2001, 224) menegaskan bahawa *Qira'at* Tiga tidak terkeluar daripada *Qira'at* Tujuh kecuali sedikit sahaja. Abu Ja'far merupakan seorang daripada guru Nafi', Ya'qub pula mengambil bacaan daripada Salam al-Tawil sedangkan Salam mempelajarinya daripada Abu 'Amr dan 'Asim. Khalaf pula bacaannya tidak terkeluar daripada bacaan ulama (imam-imam) Kufah.

Ibn al-Jazari (t.th, 1: 52) turut menjelaskan berhubung *sanad-sanad Qurra'* yang dikatakan *sanadnya* secara *ahad*, hujah beliau: Ini kerana mustahil untuk menghitung keseluruhan orang yang membaca dengan *Qira'at* tersebut. Ia adalah *Qira'at* yang tersebar di pelbagai negara dan zaman. *Sanad-sanad* ini bukan bermaksud pengiraan sebaliknya adalah pengesahan, sekiranya dikumpulkan *sanad-sanad* dalam kalangan *Qurra'* dan dikeluarkan nama-nama imam yang membaca dengan *Qira'at* tersebut di setiap zaman, nescaya bilangan yang yang dikehendaki untuk mencapai darjah *mutawatir* akan tercapai malah lebih daripada itu.

Para ulama juga sepakat bahawa hanya *Qira'at* sepuluh ini sahaja yang *mutawatir*, sebagaimana dijelaskan oleh Imam Ibn al-Jazari (1995, 15-16; al-Hadi, 196): *Qira'at Mutawatirah* tidak mempunyai had (selagi memenuhi tiga rukun), tetapi untuk mendapatkannya pada zaman kita ia adalah tidak sah kerana tidak terdapat pada hari ini *Qira'at Mutawatirah* melainkan yang sepuluh tersebut. Sekiranya hendak dicari di zaman awal ia berkemungkinan insha' Allah. Sheikh al-Banna (2001, 6; al-Hadi, 1999, 196) menegaskan bahawa berlakunya *ijma'* terhadap apa yang telah ditetapkan oleh Imam Ibn al-Jazari dengan tegasannya: Para ulama telah *ijma'* bahawa tiada lagi *Qira'at Mutawatirah* yang lebih daripada '*asharah* yang masyhur.

Al-Nuwayri juga menjelaskan bahawa para *usuliyun* dan *fuqaha'* telah *ijma'* bahawa tiada lagi yang *mutawatir* apa yang menjadi tambahan kepada *Qira'at* sepuluh, begitu juga mereka telah *ijma'* terhadap para *Qurra'* (sepuluh) melainkan sesiapa yang tidak dikira terhadap *khilafnya* (*khilaf* yang tidak *mutawatir*) (al-Qadi, 9; al-Hadi, 1999, 196).

### 3.1.1 *Qurra' Qira'at Mutawatirah* dan status *Qira'at*

Hasil analisis terhadap 1532 nukilan *Qira'at* di dalam *Tafsir al-Nasafi* menunjukkan bahawa Imam al-Nasafi menggunakan kesemua Imam *Qurra'* '*Asharah* di dalam nukilan *Qira'at* beliau. Tetapi beliau didapati menggunakan sebahagian rawi *Qurra'* '*Asharah* dan terdapat juga rawi-rawi tambahan lain. Penggunaan nukilan *Qurra'* '*Asharah* dan status penggunaan riwayat *Qira'at Mutawatirah* di dalam *Tafsir al-Nasafi* boleh dilihat melalui jadual berikut:

Jadual: Status *Qurra'* '*Asharah* dalam *Tafsir al-Nasafi*

Bil.	Imam	Nama lain	Rawi	Status
1.	Nafi'	Madani	1. Warsh 2. Qalun	<i>Mutawatirah</i> melainkan pada tiga tempat yang berstatus <i>shadhdhah</i> iaitu pada Surah al-Baqarah ayat 2, al-A'raf ayat 10 dan al-Tawbah ayat 79.
2.	Ibn Kathir	Makki	1. Qunbul 2. al-Bazzi	<i>Mutawatirah</i>
3.	Abu 'Amr	Basri	1. al-Duri 2. 'Abbas	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada dua tempat, iaitu pada Surah Ibrahim ayat 34 dan Surah al-Ma'arij ayat 28. Tiada nukilan untuk al-Susi.

4.	Ibn °Amir	Shami	1. Hisham 2. Ibn Zakwan	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada Surah al-Nur ayat 35.
5.	‘Asim	-	1. Shu’bah @ Abu Bakr 2. Hafs 3. al-‘A’sha 4. Hubayrah	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada Surah al-Baqarah ayat 2 dan Surah al-Ra’d ayat 4 yang dinisbahkan kepada Hafs. Penambahan seorang rawi di bawah Shu’bah iaitu Ibn Ghalib. Manakala al-‘A’sha ketika bersendirian membawa <i>Qira’at Shadhdhah</i> .
6.	Hamzah	-	-	<i>Mutawatirah</i>
7.	Al-Kisa’i	Ali	-	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada Surah al-Kahf ayat 39. Tiada nukilan <i>Qira’at</i> untuk rawi Imam al-Kisa’i.
8.	Abu Ja’far	Yazid	-	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada Surah al-Mu’minun ayat 77. Tiada nukilan <i>Qira’at</i> untuk rawi Imam Abu Ja’far.
9.	Ya’qub	-	1. Rawh 2. Zayd	<i>Mutawatirah</i> , melainkan riwayat daripada Rawh dan Zayd yang berstatus <i>shadhdhah</i> .
10.	Khalaf al-‘Ashir	-	-	<i>Mutawatirah</i>

Sumber: Mohd Faizulamri Mohd Saad (2015).

Status penggunaan riwayat *Qira’at Mutawatirah* secara berkumpulan oleh Imam al-Nasafi boleh dilihat melalui jadual berikut:

Jadual: Status *Qurra’* Berkumpulan dalam *Tafsir al-Nasafi*

Bil.	Nama Kumpulan	Qurra’ yang terlibat	Catatan
1.	Hijazi	1. Nafi’ 2. Ibn Kathir	<i>Mutawatirah</i>
2.	‘Iraqi	1. Abu ‘Amr 2. ‘Asim 3. Hamzah 4. al-Kisa’i 5. Ya’qub 6. Khalaf.	<i>Mutawatirah</i>
3.	Kufi atau Kufiyyun	1. ‘Asim 2. Hamzah 3. Kisa’i 4. al-Mufaddal	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada Surah Yunus ayat 88 (waqf pada الدنيا).

Sumber: Mohd Faizulamri Mohd Saad (2015).

### 3.2 *Qira’at Shadhdhah*

Mengkaji daripada sudut nukilan *Qira’at Shadhdhah* pula, para sarjana *Qira’at* seperti al-Banna dan Ibn al-Jazari menyatakan bahawa ulama telah bersepakat dalam menentukan *Qira’at* yang ditolak. Ibn al-Jazari (1995M: 24) dan al-Banna (2001M: 14) menyatakan: *Qira’at Shadhdhah* adalah *Qira’at* yang lebih iaitu *Qira’at* yang terkeluar daripada *Qirā’at* sepuluh.

Secara umumnya, *Qira’at Shadhdhah* berdasarkan sudut riwayatnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah secara umum iaitu merangkumi *Qira’at Shadhdhah* yang diriwayatkan oleh *a’immah ‘Asharah*, sahabat r.a dan tabi’in. Bahagian kedua pula adalah *Qira’at Shadhdhah* yang

diriwayatkan oleh empat imam yang masyhur iaitu Ibn Muhaysin, Yahya al-Yazidi, al-Hasan al-Basri dan al-‘A‘mash (Ahmad Khalid, 2001:72).

Di dalam *Tafsir al-Nasafi* pula, *Qira‘at Shadhdhah* dinukilkan dalam pelbagai bentuk penisbahan, iaitu:

a. Nisbah kepada Sahabat r.a

Sebanyak tujuh orang sahabat r.a yang dinisbahkan *Qira‘at* oleh Imam al-Nasafi di dalam tafsir beliau iaitu Ibn Mas‘ud (w.32H), Ubay bin Ka‘b (w.19H), Ibn ‘Abbas (68H), Hafsah (w.45H), Umar (w.23H), Ibn al-Zubayr (w.73H) dan Ali (w.40H).

b. Nisbah kepada Tabi‘in

Penisbahan *Qira‘at* kepada tabi‘in di dalam *Tafsir al-Nasafi* terbahagi kepada dua kumpulan iaitu imam *Qurra‘ Shadhdhah* yang terkenal dan tabi‘in lain. Imam al-Nasafi didapati hanya menukilkan *Qira‘at* daripada dua sahaja imam *Qira‘at Shadhdhah* yang terkenal iaitu al-Hasan al-Basri (w.110H) dan al-‘A‘mash (w.148H). Manakala tabi‘in lain yang dinisbahkan *Qira‘at* oleh Imam al-Nasafi ialah Abu Hanifah (w.150H), al-Zuhri (w.117H), Malik bin Dinar (w.127H), Ibn Sirin (w.110H), Mujahid (w.103H), Qatadah (w.117H), Ibn ‘Abd al-‘Aziz (w.101H), al-Nakha‘i (w.76H) dan al-Mufaddal (w.168H).

c. Generasi Selepas Tabi‘in

Nama-nama generasi selepas tabi‘in yang dinisbahkan *Qira‘at* oleh Imam al-Nasafi adalah al-Mubarrad (w.286H), al-Barjami (w.230H), Sahl (w.255H), Abu Haywah, al-Razi, Abu Zayd dan *Qira‘at* tidak diletakkan sebarang penisbahan.

### 3.2.1 *Qurra‘ Qira‘at Shadhdhah* dan status *Qira‘at*

Hasil analisis terhadap 1532 nukilan *Qira‘at* di dalam *Tafsir al-Nasafi*, *Qira‘at Shadhdhah* yang terdapat di dalam tafsir ini berjumlah 127 nukilan. Jadual di bawah menunjukkan senarai *Qurra‘ Qira‘at Shadhdhah* dan status nukilan *Qira‘at* yang dinisbahkan kepada mereka:

Bil	Kumpulan	Nama Qurra‘	Status
1.	Sahabat r.a	Ibn Mas‘ud	<i>Shadhdhah</i>
		Ubay bin Kaab	<i>Shadhdhah</i>
		Ibn ‘Abbas	<i>Shadhdhah</i>
		Hafsah	<i>Shadhdhah</i>
		Umar	<i>Shadhdhah</i>
		Ibn al-Zubayr	<i>Shadhdhah</i>
		Ali	<i>Shadhdhah</i> ,kecuali pada (فارقوا) ayat 32 Surah Rum.
2.	<i>Tabi‘in</i> : Imam <i>Qira‘at Shadhdhah</i> terkenal	al-Hasan al-Basri	<i>Shadhdhah</i>
		al-‘A‘mash	<i>Shadhdhah</i>
3.	<i>Tabi‘in</i> lain	Abu Hanifah	<i>Shadhdhah</i>
		al-Zuhri	<i>Shadhdhah</i>
		Ibn Sirin	<i>Shadhdhah</i>
		Mujahid	<i>Shadhdhah</i>
		Qatadah	<i>Shadhdhah</i>
		Ibn ‘Abd al-‘Aziz	<i>Shadhdhah</i>
		al-Nakha‘i	<i>Shadhdhah</i>
al-Mufaddal	Al-Mufaddal ketika bersendirian membawa <i>Qira‘at Shadhdhah</i> .		

4.	Selepas <i>Tabi'in</i>	al-Mubarrad	<i>Shadhdhah</i> , kecuali <i>Qira'at</i> yang dikatakan <i>shadh</i> oleh al-Mubarrad pada (تود) Surah Ali 'Imran ayat 30 sebenarnya adalah <i>mutawatirah</i> .
		al-Barjami	<i>Shadhdhah</i> , melainkan pada empat tempat, iaitu pada (وجهى) Surah Ali 'Imran ayat 20, (طسم) al-Shu'ara' ayat 1, (يدعون) al-'Ankabut ayat 42 dan (يسئل) al-Ma'arij ayat 10.
		Sahl	<i>Mutawatirah</i> , melainkan pada (لا يضركم) Surah Ali 'Imran 120 berstatus <i>shadhdhah</i> .
		Abu Haywah	<i>Shadhdhah</i>
		al-Razi	<i>Shadhdhah</i>
		Abu Zayd	<i>Shadhdhah</i>
		Al-'A'sha	al-'A'sha ketika bersendirian membawa <i>Qira'at Shadhdhah</i> .
		Tiada sebarang penisbahan	<i>Shadhdhah</i> , melainkan pada (ياويلتى) ayat 27 Surah al-Furqan yang sebenarnya adalah <i>Qira'at Ruways</i> .

Sumber: Mohd Faizulamri Mohd Saad (2015).

#### 4. Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap keseluruhan riwayat *Qira'at* di dalam tafsir al-Nasafi. Kajian ini merumuskan bahawa tidak semua nukilan yang dinisbahkan kepada *Qurra' Asharah* adalah berstatus *mutawatirah*. Tempat-tempat berikut menunjukkan *Qurra' Asharah* yang dinisbahkan dengan *Qira'at Shadhdhah*:

- i. Tiga riwayat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Imam Nafi' berstatus *shadhdhah*, iaitu pada (waqf pada ريب لا) Surah al-Baqarah ayat 2, (معاشيش) Surah al-A'raf ayat 10 dan (جهدهم) Surah al-Tawbah ayat 79.
- ii. Dua tempat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Abu 'Amr berstatus *shadhdhah*, iaitu pada (من كل) Surah Ibrahim ayat 34 dan (مامون) Surah al-Ma'arij ayat 28.
- iii. Satu tempat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Ibn 'Amir berstatus *shadhdhah*, iaitu pada (زجاجة) Surah al-Nur ayat 35.
- iv. Dua tempat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada 'Asim berstatus *shadhdhah*, iaitu satu yang dinisbahkan kepada beliau sendiri iaitu pada (waqf pada ريب لا) Surah al-Baqarah ayat 2, dan satu lagi *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Hafsh iaitu pada (صنون) Surah al-Ra'd ayat 4. Manakala *Qira'at* yang dinisbahkan kepada al-'A'sha secara bersendirian adalah berstatus *shadhdhah*.
- v. Satu tempat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada al-Kisa'i berstatus *shadhdhah*, iaitu pada (أنا أفل) Surah al-Kahf ayat 39.
- vi. Satu tempat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Abu Ja'far berstatus *shadhdhah*, iaitu pada (فتحنا) Surah al-Mu'minun ayat 77.
- vii. Satu tempat *Qira'at* yang dinisbahkan secara berkumpulan kepada Kufi berstatus *shadhdhah*, iaitu pada (waqf pada الدنيا) Surah Yunus ayat 88.

Begitu juga dengan analisis keseluruhan riwayat *Qira'at Shadhdhah* di dalam *Tafsir al-Nasafi*. Kajian ini merumuskan bahawa Imam al-Nasafi menisbahkan *Qira'at Shadhdhah* kepada tiga bahagian iaitu *Qira'at Shadhdhah* yang dinisbahkan kepada sahabat RA, *Tabi'in* dan generasi selepas *Tabi'in*. Penisbahan terhadap sahabat RA melibatkan 7 orang sahabat RA, manakala untuk generasi *Tabi'in* melibatkan dua *Qurra'* terkenal iaitu al-Hasan al-Basri dan al-'A'mash serta sembilan orang *Tabi'in* yang lain. Selain itu, riwayat *Qira'at* turut dinisbahkan kepada generasi selepas *Tabi'in* iaitu seramai 6 orang termasuk penisbahan yang tidak disebutkan

sebarang nama.

Dari sudut status *Qira'at* yang dinisbahkan kepada *Qurra' Qira'at Shadhdhah* di dalam tafsir ini. Berdasarkan analisis keseluruhan *Qurra' Qira'at Shadhdhah* di dalam *Tafsir al-Nasafi*, kajian merumuskan bahawa kesemua nukilan *Qira'at* yang dinisbahkan kepada *Qurra' Qira'at Shadhdhah* adalah berstatus *shadhdhah*, melainkan pada tempat-tempat berikut:

- i. Satu riwayat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Ali berstatus *mutawatirah*, iaitu pada ayat 32 Surah Rum (al-Nasafi, 2001:1:308).
- ii. Riwayat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada al-Mufaddal, sekiranya al-Mufaddal bersama Kufi maka *Qira'at* tersebut adalah *mutawatirah* manakala ketika dinisbahkan berseorangan *Qira'at* tersebut adalah *shadhdhah*.
- iii. Riwayat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada al-Barjami, analisis menunjukkan *Qira'at* yang dinisbahkan kepada beliau adalah bercampur dengan 4 *mutawatirah* dan 2 *shadhdhah*.
- iv. Riwayat *Qira'at* yang dinisbahkan kepada Sahl, analisis menunjukkan *Qira'at* yang dinisbahkan kepada beliau adalah bercampur dengan 14 *mutawatirah* dan 1 *shadhdhah*.
- v. Riwayat *Qira'at* yang dikatakan *shadh* oleh al-Mubarrad sebenarnya adalah *mutawatirah*, iaitu pada Surah Ali 'Imran ayat 30.
- vi. Satu *Qira'at* yang tidak dinisbahkan kepada mana-mana *Qurra'* berstatus *mutawatirah*, iaitu pada Surah al-Furqan ayat 227.

Dapatan ini membantu dalam interaksi terhadap riwayat *Qira'at*. Riwayat yang sahih dan berstatus *mutawatirah* tidak hanya dinisbahkan kepada *Qurra' 'Asharah*. Malahan terdapat *Qurra' Qira'at Shadhdhah* yang dinisbahkan dengan *Qira'at Mutawatirah*. Berdasarkan senarai yang dikemukakan, ia dapat membantu para sarjana dalam mengklasifikasikan *Qira'at* di dalam *Tafsir al-Nasafi*, berinteraksi dengan *Qira'at* di dalamnya dan memudahkan proses *pentarjihan* untuk tujuan pentafsiran

## Rujukan

Al-Quran al-Karim .

Abd al-Halim Mahmud. 1978M. *Manahij al-Mufassirin*. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misri.

Ahmad Khalid Shukri, Ahmad Muhammad Muflih al-Qudah & Muhammad Khalid Mansur. 2001. *Muqaddimat fi 'Ilm al-Qira'at*. Jordan: Dar 'Ammar.

Al-Banna, Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad bin Abd Ghani al-Dumyatiyy. 2001. *Ithaf Fudala' al-Bashar fi al-Qira'at al-Arb'a 'Ashar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Dhahabi, Muhammad Hussayn. 2005. *al-Tafsir wa al-Mufassirin*. Cet. pertama. Mesir: Avand Daanesh LTD Mohammad Ja'far Saydi.

Al-Hadi, Abd Halim bin Muhammad. 1999. *al-Qira'at al-Qur'aniyyah Tarikhuha Thubutuha Hujjiyatuha wa Ahkamuha*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.

Ibn al-Jazari, Abi Khayr Muhammad bin Muhammad al-Dimashqi. 1998. *al-Nashr fi Qira'at al-'Ashr*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn al-Jazari, Abi Khayr Muhammad bin Muhammad. 1995. *Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Talibin*. Al-Qahirah: Maktabah al-Qudsi.

Ibn Jinni, Abu al-Fath Uthman bin Jinn. 1998. *Al-Muhtasab fi Tabyin Wujuh Shawadh al-Qira'at wa al-Idah 'Anha*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Khalidi, Salah Abd al-Fattah. 2012. *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. Dimashq: Dar al-Qalam.

Al-Ma'sarawi, Ahmad Isa. 2006. *al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah*. Cet. pertama. Al-Qahirah: Dar al-Salam.

Al-Nasafi, 'Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. 2001. *Tafsir al-Nasafi*. Bayrut: Dar Ihya' al-Kutb al-'Arabiyyah

Al-Nasafi, 'Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. t.th. *Tafsir al-Nasafi*. Mesir: Dar Ihya' al-Kutb al-'Arabiyyah.

Al-Nawawi, Abi Zakariya Yahya bin Sharf al-Din. 1985. *al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Quran*. Dimashq: Dar al-Bayan.

Al-Qadi, Abd al-Fattah Abd al-Ghaniyy. 2004. *al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-'Ashr al-Mutawatirah*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.

Al-Qaysi, Makki bin Abi Talib. 1985. *al-Ibanah 'an Ma'ani al-Qira'at*. Makkah: al-Maktabah al-Faysaliyyah.

Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2002M. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jil. pertama. al-Qahirah: Dar al-Hadith.

Al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1973. *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Subki, Abd al-Wahab bin Ali. *Man'u al-Mawani' 'an Jam'u al-Jawami' fi Usul al-Fiqh*. 1999. Cet. pertama.



- Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din Abd al-Rahman. 2000. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Cet. keempat. Dimasq: Dar Ibn al-Kathir.
- Sha'ban Muhammad Ismail. 1999M. *al-Qira'at Ahkamuha wa Masdaruha*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-'Azim. 1998M. *Manahil al-Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Zirikli, Khayr al-Din. t.th. *al-'A'lam*. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.